

Bina pintu air elak krisis

» Pemantauan halang ceroboh tanah rizab sungai

Oleh Badrul Kamal Zakaria
badrulkamal@bh.com.my

► Johor Bahru

Kerajaan Johor beradang membina sebuah pintu air bendungan rendah di Sungai Muar untuk menghalang penerobosan air masin dari Selat Melaka memasuki sungai berkenaan, sekali gus mengelak berlaku krisis air.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat, berkata sehubungan itu, satu kajian lebih terperinci akan dijalankan dalam masa terdekat bagi mengenal pasti kesesuaian dan kos pembinaannya.

Katanya, fenomena penerobosan air masin berlaku berikutan paras air laut yang semakin meningkat hingga menyebabkan air masin dapat memasuki Sungai Muar hingga ke hulu.

"Justeru, kerajaan negeri merancang membina pintu air bendungan rendah bagi me-

ngelakkan air masin laut memasuki sungai, terutama pada musim kemarau dan mengurangkan kesan terhadap air tawar.

Projek tebatan banjir

"Selain itu, projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB), termasuk kerja meluruskan sungai di beberapa bahagian di Sungai Muar menjadi antara faktor berlaku fenomena ini," katanya kepada BH di sini, semalam.

Pada 1 Oktober lalu, BH melaporkan isu fenomena penerobosan air laut yang memasuki Sungai Muar sejauh 43 kilometer ke bahagian hulu dilihat mampu menyebabkan krisis air di daerah Muar dan Melaka dalam tempoh kurang 10 tahun.

Laporan empat siri itu turut mengupas fenomena berkenaan yang bukan hanya menjejaskan bekalan air bersih untuk kegunaan penduduk, malah memberi impak dari segi ekonomi, terutama kepada sektor industri pembuatan berasaskan elektronik dan makanan pada masa depan.

Malah, beberapa pakar kualiti air dan geologi menegaskan fenomena itu turut mengganggu ekosistem sungai hingga menyebabkan beberapa hidupan akuatik seperti udang galah di sungai terbabit kini

26 NASIONAL



Air Sungai Muar makin cetek dan berlampir sehingga menyebabkan berlaku fenomena penerobosan air.

Muar berdepan krisis air 10 tahun lagi

» Penerobohan tanah rizab, penerobosan air masin kejas sumber sungai


Oleh Badrul Kamal Zakaria,
S Anand Kumar
dan Mohd Fuzi Mohd Yusoff
bh@johor.com.my

► Johor Bahru

Penerobok Muar, Johor dan sebahagian besar Melaka akan mengalami krisis air dalam tempoh lima ke 10 tahun lagi akibat penerobosan Sungai Muar yang menjadi sumber utama bekalan air bersih.

Kegagalan menangani masalah penerobosan tanah kerajaan,

...membabitkan



air bersih dan akan mencetuskan krisis air di kawasan terbabit pada masa depan.

Zon penempatan penting
Maklumat yang juga Pengerusi di Pejabat Kesihatan, Sima 120, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berkata, rizab sungai atau dikenali sebagai zon penempatan adalah amat penting dalam pengurusan sumber air di negara ini. Tidak berkesan lagi Sungai Muar yang menjadi sumber bekalan air bersih.

Katanya, rizab sungai bertinggi sebagai penapis pencemaran untuk air tawar dari kawasan pertanian di kawasan yang banyak kegiatan manusia seperti pertanian, perindustrian dan perumahan sehingga menyebabkan air tawar tercemar.

"Selain itu, kawasan rizab sungai ini penting bagi habitat mamalia dan burung-burung seperti monyet, usok, badak, kancas

Keratan akhbar BH 1 Oktober lalu.

diancam kepupusan.

Ayub berkata, kerajaan negeri juga mengarahkan agensi berkaitan supaya membuat pemantauan rapi terhadap sebarang penerobohan tanah rizab sungai di negeri ini secara berterusan.

Tindakan tegas

Katanya, tindakan tegas perlu diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati mencebong tanah rizab sungai kerana ia secara tidak langsung

boleh menjejaskan sumber air, pada masa depan.

"Kami minta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memantau tanah rizab sungai ini, terutama di kawasan yang jauh dari penempatan penduduk. Ambil tindakan jika ada penerobohan.

"Kesedaran masyarakat perlu ditingkatkan kerana tindakan mencabong tanah rizab sungai ini akan menyebabkan sumber air bersih menjadi berkurangan," katanya.